

03 JUL 2001

DR MAHATHIR RASMI KOLEJ PERUBATAN DI MELAKA PADA 17 JULAI

MELAKA, 3 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual akan merasmikan pembukaan Kolej Perubatan Melaka-Manipal (MMMC) di Bukit Baru di sini pada 17 Julai ini.

Pengetua MMC Datuk Dr Megat Burhainuddin Megat Abdul Rahman berkata kolej itu adalah kolej swasta pertama dan satu-satunya yang menawarkan pengajian tinggi bidang perubatan di Melaka.

Kolej itu memulakan pengajiannya pada September 1997 dan kini mempunyai 700 pelajar di kampusnya di sini dan di Manipal, India.

"Walaupun majoriti pelajar adalah rakyat tempatan, kami juga mempunyai pelajar dari Maldives, Sri Lanka, Emiriyah Arab Bersatu, Hindia Barat, Myanmar dan Amerika Syarikat," kata Dr Megat Burhainuddin pada sidang media di sini.

Kolej itu menawarkan program berkembar MBBS, termasuk latihan pra-klinikal selama dua tahun setengah di Pusat Sains Kesihatan Antarabangsa Manipal.

Pelajar kemudiannya akan mengikuti latihan dan pengajian klinikal selama tiga tahun di Hospital Melaka dan Muar, Johor.

-- BERNAMA

NO MOZ